

PEMULIH pastikan bantuan berterusan kepada rakyat

UB 06.08.2021 P.3
Oleh Siti Aiyah Narudin, Yap Siong Han dan Wivi Oliviana Najurus

KOTA KINABALU: Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) yang diumumkan oleh Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 28 Jun lalu adalah manifestasi usaha kerajaan untuk menyediakan bantuan berterusan kepada rakyat ketika negara 'berperang' dengan pandemik COVID-19.

Pakej rangsangan kelapan bernilai RM150 bilion, merangkumi suntikan langsung fiskal kerajaan sebanyak RM10 bilion itu, menumpukan kepada tiga fokus utama yang diharap akan dapat membawa negara keluar daripada kemelut COVID-19 berasaskan 'roadmap' Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Dengan dua fokus pertama iaitu Menuruskan Agenda Prihatin Rakyat dan Menyokong Kelangsungan Perniagaan yang meneruskan dan melengkapi pakej-pakej rangsangan terdahulu, fokus ketiga iaitu Meningkatkan Usaha Vaksinasi pula diyakini akan menjadi pemangkin kepada usaha bersama menangani cabaran pandemik ini.

Daripada bantuan tunai untuk rakyat seperti Bantuan Prihatin Rakyat (BPR), Geran Khas Prihatin (GKP) dan Program Subsidi Upah (PSU) untuk sektor perniagaan sehinggalah kemudahan moratorium untuk golongan pememinan institusi perbankan, PEMULIH memastikan tiada golongan yang tercir daripada bantuan kerajaan.

Penerima BPR Saline Mis-lun, 31, berkata, bayaran tambahan sebanyak RM500 yang diterimanya di bawah Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA+) sebelum ini, memberi kelegaan kepada keuangannya ekoran suaminya tidak dapat keluar bekerja sepanjang tempoh Perintah Kawalan



SALINE

Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

"Sejak pelaksanaan PKP, suami saya yang hanya bekerja sebagai penoreh getah tidak dapat pergi ke kebun berikutan laluan untuk ke kawasan terbit ditandakan sekatan jalan raya (SJR) dan suami saya tidak dapat menunjukkan sebarang dokumen yang membolehkan beliau melalui kawasan yang dikawal ketat itu.

"Kami sangat bersyukur dengan adanya bantuan daripada kerajaan ini, sedikit meringankan beban harian lebih-lebih lagi kami menyara dua orang anak masing-masing 12 dan lima tahun.

"Saya mengucapkan ribuan terima kasih terhadap kerajaan kerana mewujudkan BPR untuk rakyat yang sangat memerlukan bantuan seperti kami pada masa sukar ini," katanya.

Saline turut menyambut baik BPR fasa ketiga yang akan dibayar pada bulan September depan, selain berterima kasih atas inisiatif kerajaan memperkenalkan bantuan baharu, Bantuan Khas COVID-19 (BKC) yang akan disalurkan pada bulan Ogos, November dan Disember 2021.

Dibawah PEMULIH, BKC akan memanfaatkan 11.4 juta penerima merangkumi 8.4 juta penerima B40 dan tiga juta penerima M40 dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM4.6 bilion.

Selain bantuan tunai untuk rakyat, kerajaan tidak me-



KASIM

lupakan golongan peniaga yang rata-rata terjejas akibat pandemik COVID-19 dengan meneruskan pelbagai inisiatif dan subsidi, termasuk GKP. Untuk tahun 2021, kerajaan memperuntukkan sejumlah RM6.1 bilion menerusi GKP dengan GKP 3.0 di bawah PEMERKASA+ telah memanfaatkan penerima dengan bayaran RM1,000 pada awal



RAFIQ

Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk Dr Kasim Md Mansur berkata, GKP sememangnya menyantuni pengusaha Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) kerana ekonomi Malaysia sebenarnya digerakkan oleh PKS. Menurutinya, ramai dalam kalangan usahawan PKS berdepan cabaran getir ketika ini, justeru GKP membantu



JEMIMA

seperti mencuri bius secara dalam talian," katanya. Beliau berkata, usaha itu seiring dengan usaha kerajaan melaksanakan PPN yang kini memasuki fasa kedua di banyak negeri, selain memperkasa bidang perniagaan secara digital menuju Revolusi Industri 4.0 (IR4.0). Sementara itu, Pensyarah Kanan Fakulti Perniagaan,



gan untuk bertahan pada saat dunia berdepan pandemik COVID-19.

Katanya, ia sekali gus menyokong proses pemulihan ekonomi selaras dengan PPN, selain meminimalkan kesan teruk COVID-19 kepada ekonomi.

"Kejayaan negara mengawal pandemik dan mewujudkan keadaan ekonomi yang lebih baik bergantung kepada pelbagai faktor dalaman dan luaran.

"Sebahagiannya adalah di luar kawalan kerajaan 100 peratus termasuk faktor-faktor seperti kadar angkatan baharu, kemasukan dan angkatan varian-varian baharu, serta pematuhan semua pemegang taruh terhadap prosedur operasi standard (SOP)," katanya.

Tatkala kerajaan berusaha memastikan rakyat dan ekonomi negara dapat bertahan, vaksinasi yang merupakan fokus ketiga PEMULIH, dilihat amat penting untuk menjayakan PPN dan 'hidup' dengan COVID-19 pada tahun-tahun mendatang.

Usaha berterusan kerajaan sangat diperlukan bagi memperkasakan lagi proses vaksinasi di seluruh negara khususnya di Sabah yang masih mencatatkan kadar vaksinasi yang rendah berbanding negeri-negeri lain.

Presiden Persatuan Farmasi Sabah Jemima Ho Wan Dien berkata, Program Immunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) adalah usaha terbaik kerajaan Malaysia ke arah mencapai imuniti kelompok.

Menurutnya, kejayaan PICK penting untuk fasa-fasa PPN dan membolehkan rakyat kembali menjalani kehidupan seperti sedia kala.

Menurutnya selain PICK, kerajaan juga melancarkan

Program Immunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) dan ia satu pendekatan terbaik untuk memberikan vaksin kepada semua pekerja dalam sektor pengilangan.

"Majikan perlu memberikan kerjasama kepada kerajaan untuk mendaftarkan kakitangan masing-masing bagi mendapatkan vaksin ini," katanya.

Masyarakat di bandar katanya, kini lebih peka dengan PICK dan ramai yang tidak sabar untuk mendapatkan vaksin.

Sehubungan itu, beliau berharap tahap kesedaran masyarakat luar bandar dan pedalaman juga dipertingkatkan.

Katanya, kerajaan juga wajar memberikan pertimbangan kepada komuniti farmasi untuk mendapatkan suntikan vaksin lebih awal.

"Kakitangan farmasi setiap hari berurusan dengan pesakit serta orang awam, malah mereka juga dikategorikan sebagai pasukan barisan hadapan," katanya sambil menambah, semua vaksin yang digunakan di Malaysia dijamin selamat oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NRA).

Jemima berharap, kempen kesedaran mengenai vaksin dan kepentingannya terus dipergiatkan agar semua rakyat Malaysia yang layak akan menerima vaksin.

"Misalnya, kesan sampingan yang dialami selepas menerima vaksin adalah bersifat sementara. Pengalaman ini tidak seharusnya menjadi penghalang untuk mendapatkan vaksin," tambahnya.

Layari <https://belanjaan2021.treasury.gov.my/manfaat> untuk mengetahui lebih lanjut mengenai bantuan dan inisiatif PEMULIH.

Memastikan kesinambungan bantuan untuk mendepani cabaran COVID-19

MENURUSKAN AGENDA PRIHATIN RAKYAT	MENYOKONG KELANGSUNGAN PERNIAGAAN	MENINGKATKAN USAHA VAKSINASI
Penambahbaikan moratorium RM60 b	Penambahbaikan moratorium RM20 b	Meningkatkan kapasiti PICK RM0.8 b
KWSP i-Citra RM30 b	Jaminan Pembiayaan RM20 b	
Bantuan tunai tambahan RM5.6 b	Pinjaman baharu PKS RM4.4 b	
Subsidi tambahan Cth. COSS, Internet, bakul makanan RM2.3 b	Subsidi Upah & Insentif Pengajian RM4.2 b	
	Geran Khas PRIHATIN RM1.0 b	
	Sokongan perniagaan lain RM1.5 b	
RM 97.9 bilion Suntikan Bekal	RM 51.1 bilion Suntikan Bekal	RM 1.0 bilion Suntikan Bekal

bulan Jun lepas dan RM500 lagi pada pertengahan bulan Julai.

PEMULIH pula menyokong peralihan fasa PPN seterusnya dengan GKP 4.0 akan dibayar pada bulan September berjumlah RM500 dan RM500 lagi pada bulan November.

Pakar ekonomi yang juga Dekan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan

mereka untuk bertahan.

"Diharap jika ada pakej rangsangan lain yang diperkenalkan kerajaan, geran ini masih dapat diteruskan dengan peruntukan baharu supaya pengusaha tidak terus terjejas.

"Bagi pengusaha PKS yang menerima bantuan GKP, ini adalah peluang untuk mereka membuka mata dan berubah kepada model perniagaan lain

Ekonomi dan Perakaunan UMS Dr Rafiq Idris berkata, GKP adalah bantuan yang bersifat positif, prihatin rakyat, prihatin perniagaan dan usaha kerajaan untuk membantu kelangsungan perniagaan.

Beliau yang juga Pengarah Pusat Pelaburan, Endowment dan Wakaf UMS berkata, geran berkenaan juga penting dalam menyokong perni-